



## PATEN

### Maklumat Am

Paten adalah satu hak eksklusif yang diberikan terhadap sesuatu rekacipta, sama ada satu produk ataupun proses untuk menghasilkan cara baru bagi membuat sesuatu, ataupun untuk penyelesaian teknikal bagi sesuatu masalah. Paten dilindungi di bawah Akta Paten 1983 dan perlindungan paten adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan permohonan.

Contoh-contoh paten adalah:



### Perbaharuan Utiliti

Perbaharuan utiliti adalah hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu rekacipta kecil yang tidak memerlukan ujian langkah merekacipta sebagaimana yang diperlukan untuk mendapat paten. Perbaharuan utiliti dilindungi selama 10 tahun dari tarikh pemfailan dan boleh dilanjutkan ke 5+5 tahun, tertakluk kepada penggunaan.

### Pemohon

Semua orang boleh mengemukakan permohonan paten ataupun perbaharuan utiliti sama ada secara individu atau secara pemunyaan bersama atau syarikat/organisasi.

Pemohon tempatan atau residen di Malaysia boleh memfailkan permohonan paten sendiri atau melantik ejen paten berdaftar yang boleh mewakilinya. Pemohon dari luar negara yang ingin memfailkan permohonan patennya perlulah melantik ejen paten berdaftar di Malaysia untuk mewakilinya.

### Pemohonan Paten atau Perbaharuan Utiliti

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan paten atau perbaharuan utiliti di dalam borang yang telah ditetapkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Pemohon juga boleh memfailkan permohonan paten atau perbaharuan utiliti secara elektronik melalui laman web MyIPO.

Pemeriksaan akan dijalankan oleh pihak MyIPO untuk menentukan sama ada permohonan layak untuk dianugerahkan paten atau tidak berdasarkan syarat-syarat di bawah Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986.

## **Kepentingan Perlindungan Paten**

Perlindungan paten atau perbaharuan utiliti memberi hak eksklusif kepada pemunya untuk membuat, mengguna atau menjual rekapiptanya di Malaysia. Pemunya paten boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak lain yang melanggar haknya tanpa kebenaran pemunya paten.

## **Kriteria untuk Mendapatkan Paten**

Bagi pemberian paten, suatu rekapipta mestilah:

- i. Baru, iaitu rekapipta itu masih belum dizahirkan kepada orang awam di mana-mana di dalam dunia.
- ii. Melibatkan langkah merekapipta yang mana rekapipta itu tidak ketara kepada seseorang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi tersebut.
- iii. Dapat digunakan dalam mana-mana industri.

## **Rekapipta yang Boleh Diberikan Sijil Perakuan Perbaharuan Utiliti**

Untuk mendapatkan Sijil Perbaharuan Utiliti, sesuatu rekapipta hanya perlu baru dan dapat digunakan dalam mana-mana industri.

## **Rekapipta yang Tidak Boleh Dipatenkan**

- i. Penemuan, teori-teori saintifik dan kaedah-kaedah matematik.
- ii. Varieti tumbuhan atau binatang atau proses yang ada pada dasarnya adalah proses biologi bagi pengeluaran tumbuhan atau binatang, selain daripada mikro organisma hidup buatan manusia, proses mikrobiologi dan keluaran-keluaran proses mikro-organisma itu.
- iii. Skim, aturan atau kaedah bagi menjalankan perniagaan, melakukan perbuatan-perbuatan mental semata-mata atau bermain apa-apa permainan.
- iv. Kaedah-kaedah merawat tubuh manusia atau binatang melalui pembedahan atau terapi, dan kaedah-kaedah diagnosis yang dilakukan kepada tubuh manusia atau binatang.

## **Pemfailan Pertama di MyIPO Demi Keselamatan Negara**

Demi kepentingan dan keselamatan negara, sesiapa yang tinggal atau bermastautin di Malaysia yang ingin memohon paten atau perbaharuan utiliti di luar negara, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pendaftar Paten.

Walaupun bagaimanapun, kebenaran bertulis ini tidak perlu jika permohonan telah dibuat di Malaysia selepas 2 bulan.

Seksyen 62A: Perlanggaran Seksyen 23A merupakan satu kesalahan dan jika bersabit boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit (RM15 000.00) atau penjara selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

## **Tempoh Perlindungan**

Paten dilindungi selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan tertakluk kepada pembayaran yuran tahunan. Manakala perbaharuan utiliti dilindungi selama 10 tahun dari tarikh pemfailan dan boleh dilanjutkan selama 5+5 tahun tertakluk kepada penggunaannya.

**\*\*Untuk keterangan lebih lanjut berkaitan Sistem Paten di Malaysia, sila layari [www.myipo.gov.my](http://www.myipo.gov.my)**

**\*\*Unit SME merupakan pejabat yang bertanggungjawab di dalam usaha mengkomersilkan produk penyelidikan UniMAP. Harta Intelek dan isu berkaitan dengannya juga berada di bawah tanggungjawab unit ini. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi terus:**

Unit Enterpris Kecil Sederhana  
Jabatan Canselori  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Kompleks Pusat Pengajian 4,  
Taman Utara Jejawi  
Jalan Jejawi Sematang  
02600 Arau  
Perlis  
Tel: (04)-9798941/42 Fax: (04)-9782749

<http://sme.unimap.edu.my>



*Bersambung pada keluaran akan datang...*

## PATENT

### General Information

A patent is an exclusive right granted for an invention, which is a product or a process that provides a new way of doing something, or offers a new technical solution to a problem. A patent is protected under the Patent Act 1983 and the protection is for 20 years from the filing date of an application.

Examples of patents:



### Utility Innovation

A utility innovation is an exclusive right granted for a minor invention which is not required to satisfy the test of inventiveness as required of a patent. An utility innovation is protected for 10 years from the date of filing with the possibility of extension for another 5+5 years, subject to use.

### Applicant

Any person may make an application for a patent or utility innovation either alone or jointly with another person or a company/organisation.

Any person who is a resident in Malaysia can file his own patent application or appoint a registered patent agent on his behalf. A foreign applicant who wishes to file his patent application must appoint a registered patent agent in Malaysia to be his representative.

### Patent or Utility Innovation Applications

An applicant must file a patent or utility innovation application in a prescribed form with the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO). The applicant can also electronically file patent or utility innovation applications through MyIPO's website.

The examination to be conducted by MyIPO is to determine whether or not the application is allowed for grant of a patent, provided that it complies with the requirements of the Patents Act 1983 and Patents Regulations 1986.

## **Benefits of Patent and Utility Innovation Protection**

Patent or utility innovation protection gives an exclusive right to the owner to make, use or sell his invention within Malaysia. The patent owner can take legal action against another party who infringes his patent.

## **Criteria for Patentability**

For a patent to be granted, an invention must:

- i. Be new, which means that the invention has not been publicly disclosed in any form, anywhere in the world.
- ii. Involves an inventive step, that is the invention must not be obvious to someone with the knowledge and experience in the technological field of the invention.
- iii. Be industrially applicable, meaning it can be mass produced.

## **Inventions Eligible Certificate of Utility Innovation**

For a utility innovation to be granted, it only has to be new and industrially applicable.

## **Non-Patentable Inventions**

- i. Discoveries, scientific theories and mathematical methods.
- ii. Plant or animal varieties or essentially biological processes for the production of plants or animals, other than man-made living micro-organisms, micro-biological processes and the products of such micro-organism processes.
- iii. Schemes, rules or methods for doing business, performing purely mental acts or playing games.
- iv. Methods for the treatment of human or animal body by surgery or therapy, diagnostic methods practiced on the human or animal body.

## **First Filing in MyIPO for National Security**

For reasons of national interest and security, any Malaysian resident who wishes to apply for a patent or certificate for utility innovation in any other country must first seek written authority from the Registrar of Patent.

However, written authority is not required if the application has been applied in **Malaysia** after 2 months.

Section 62A: Contravention of Section 23A is an offence and is liable on conviction to a fine not exceeding fifteen thousand (RM15 000.00) or imprisonment for a term not exceeding two years or both.

## **Period of Protection**

A patent is protected 20 years from the date of filing subject to payment of annual renewal fees. A utility innovation is protected 10 years from the date of filing with the possibility of extension for another 5+5 years, subject to use.

\*\*For more details about **Patents System in Malaysia**, please visit [www.myipo.gov.my](http://www.myipo.gov.my)

\*\*SME Unit is the office in charge to commercialise the university's research product. IP and issues related to it is also under the custodian of this office. For further enquiries, please contact:

Small Medium Enterprise Unit  
Jabatan Canselori  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Kompleks Pusat Pengajian 4,  
Jalan Jejawi Sematang  
02600 Arau  
Perlis  
Tel: (04)-9798941/42 Fax: (04)-9782749  
<http://sme.unimap.edu.my>

*To be continued...*